

P.U. (A) 433.

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(KAWALAN PENCEMARAN DARIPADA STESEN PEMINDAHAN SISA
PEPEJAL DAN KAMBUS TANAH) 2009SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Pemberitahuan mengenai punca baru pelepasan atau pembuangan larut resapan
5. Pengendalian stesen pemindahan sisa pepejal dan kambus tanah
6. Sistem pemungutan dan pelupusan gas kambus tanah
7. Kawalan pencemaran air bawah tanah
8. Pemantauan pembuangan larut resapan
9. Penyediaan sistem pengolahan larut resapan
10. Pengendalian yang betul sistem pengolahan larut resapan
11. Pemantauan prestasi sistem pengolahan larut resapan
12. Orang yang berwibawa
13. Syarat-syarat boleh diterima bagi pembuangan larut resapan
14. Lesen untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan larut resapan
15. Kaedah penganalisan dan pensampelan larut resapan
16. Petunjuk pembuangan larut resapan
17. Larangan terhadap pembuangan atau pelepasan larut resapan melalui pintasan
18. Pencairan larut resapan
19. Tumpahan, pembuangan atau kebocoran yang tidak sengaja larut resapan
20. Membuat perubahan yang mengubah kualiti larut resapan
21. Melaporkan perubahan dalam maklumat yang diberikan bagi maksud permohonan lesen
22. Pempameran lesen

Peraturan

23. Penerusan syarat-syarat dan sekatan yang ada sekiranya berlaku perubahan dalam penghunian
24. Penyenggaraan rekod
25. Latihan kakitangan
26. Pemunya atau penghuni hendaklah memberikan bantuan semasa pemeriksaan
27. Fi lesen
28. Penepian fi
29. Penalti
30. Peruntukan pembatalan, peralihan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KAWALAN PENCEMARAN
DARIPADA STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL DAN KAMBUS TANAH) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21, 24 dan 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] Menteri, setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“larut resapan” ertinya cecair yang telah menyerap melalui sisa pepejal dan telah dikeluarkan atau dilarut, atau bahan terampai daripada sisa pepejal itu, atau cecair yang dibuang atau dilepaskan daripada suatu stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah;

“jurutera profesional” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

“kambus tanah” ertinya tempat pelupusan sisa untuk longgokan sisa pepejal di atas atau di dalam tanah;

“lesen” ertinya lesen yang disebut dalam peraturan 14 menurut subseksyen 25(1) Akta;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta atau mana-mana pegawai yang Ketua Pengarah telah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 49 Akta;

“sisa pepejal” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam [*Akta 672*] dan “stesen pemindahan sisa pepejal” ertinya kemudahan yang sisa pepejal diterima bagi maksud pemindahan kemudiannya ke kemudahan lain untuk pemprosesan, rawatan, pemindahan atau pelupusan selanjutnya;

“sistem pengolahan larut resapan” ertinya apa-apa kemudahan yang direka bentuk dan dibina bertujuan untuk mengurangkan potensi larut resapan yang menyebabkan pencemaran;

“sistem pengumpulan dan pembuangan larut resapan (LCRS)” termasuk sistem pelapik, lapisan penyaliran, paip dan parit larut resapan, lubang pembersihan paip larut resapan, pam pengumpulan larut resapan dan stesen pengepaman dan sistem tangki penstoran larut resapan.

Pemakaian

3. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada stesen pemindahan sisa pepejal dan kabus tanah yang membuang atau melepaskan larut resapan.

Pemberitahuan mengenai punca baru pembuangan atau pelepasan larut resapan

4. (1) Walau apa pun peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, tiada seorang pun boleh, tanpa pemberitahuan bertulis terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah, menjalankan apa-apa kerja atas mana-mana stesen pemindahan sisa pepejal atau kabus tanah, atau membina atas mana-mana tanah apa-apa kemudahan atau bangunan yang boleh menyebabkan punca baru pembuangan atau pelepasan larut resapan.

(2) Dalam peraturan ini, “punca baru pembuangan atau pelepasan larut resapan” ertinya mana-mana stesen pemindahan sisa pepejal atau kabus tanah, yang belum beroperasi atau yang pemberitahuan bertulis belum diberikan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Pengendalian stesen pemindahan sisa pepejal dan kabus tanah

5. Seseorang pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kabus tanah hendaklah mengendalikan stesen pemindahan sisa pepejal atau kabus tanah dengan sedemikian cara yang perkara-perkara berikut dikawal sepenuhnya:

- (a) bunyi, habuk dan bau;
- (b) pencemaran udara;
- (c) pencemaran tanah, permukaan air atau air bawah tanah; dan
- (d) kemasukan dan pelupusan sisa terjadual.

Sistem pengumpulan dan pelupusan gas kabus tanah

6. Seseorang pemunya atau penghuni kabus tanah hendaklah mengendalikan sistem pengumpulan dan pelupusan gas kabus tanah untuk meminimumkan impak yang disebabkan oleh penjanaan gas kabus tanah.

Kawalan pencemaran air bawah tanah

7. Seseorang pemunya atau penghuni kabus tanah hendaklah—

- (a) memastikan bahawa reka bentuk dan pengendalian mana-mana kabus tanah mengandungi langkah-langkah untuk mencegah dan mengawal pencemaran terhadap air bawah tanah; dan

- (b) mengadakan dan mengendalikan program pemantauan air bawah tanah untuk memantau kebocoran atau pergerakan larut resapan daripada kambus tanah itu.

Pemantauan pembuangan larut resapan

8. Seseorang pemunya atau penghuni kambus tanah yang membuang larut resapan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia hendaklah, dengan perbelanjaan sendiri—

- (a) memantau secara berterusan kepekatan nitrogen ammonia dalam larut resapan yang dibuang daripada kambus tanah, dengan menggunakan sistem instrumentasi dalam talian yang dihubungkan ke Jabatan Alam Sekitar;
- (b) memantau kepekatan parameter lain sebagaimana yang disenaraikan dalam ruang pertama Jadual Kedua dalam larut resapan yang dibuang daripada kambus tanah; dan
- (c) memasang meter kadar-aliran, kelengkapan pemantauan, kelengkapan pensampelan dan kelengkapan perekodan bagi maksud pemantauan pembuangan larut resapan.

Penyediaan sistem pengolahan larut resapan

9. Tiada seorang pun boleh mengendalikan stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah tanpa suatu sistem pengolahan larut resapan.

Pengendalian yang betul sistem pengolahan larut resapan

10. (1) Seseorang pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah hendaklah mengendalikan dan menyenggara sistem pengolahan larut resapan mengikut amalan kejuruteraan yang baik bagi pengolahan larut resapan dan memastikan bahawa semua komponen sistem pengolahan larut resapan dalam keadaan baik.

(2) Dalam peraturan ini, “amalan kejuruteraan yang baik” ertinya cara yang dengannya suatu sistem pengolahan larut resapan dikendalikan yang ciri-ciri pengendalian disenggarakan dalam nilai julat normal yang biasa digunakan bagi pengolahan larut resapan.

Pemantauan prestasi sistem pengolahan larut resapan

11. (1) Seseorang pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah hendaklah—

- (a) menjalankan pemantauan prestasi komponen sistem pengolahan larut resapan; dan
- (b) melengkapkan dirinya dengan kemudahan, kelengkapan atau peralatan yang berkaitan bagi maksud menjalankan pemantauan sistem pengolahan larut resapan yang disebut dalam perenggan (a).

(2) Dalam peraturan ini, “pemantauan prestasi” ertinya pemantauan rutin ciri-ciri tertentu bagi menyediakan suatu petunjuk bahawa proses pengolahan adalah berfungsi dan berupaya mengolah larut resapan.

Orang yang berwibawa

12. (1) Pengendalian sistem pengolahan larut resapan hendaklah diawasi oleh orang yang berwibawa.

(2) Orang yang berwibawa ialah mana-mana orang yang telah diperakui oleh Ketua Pengarah bahawa dia sewajarnya layak untuk mengawasi pengendalian sistem pengolahan larut resapan bagi stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah.

(3) Pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu hendaklah memastikan orang yang berwibawa bertugas pada bila-bila masa sistem pengolahan larut resapan sedang beroperasi.

Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan larut resapan

13. Tiada seorang pun boleh membuang larut resapan yang mengandungi bahan yang mempunyai kepekatan melebihi daripada yang dinyatakan sebagai syarat-syarat yang boleh diterima sebagaimana yang ditunjukkan dalam ruang ketiga Jadual Kedua, ke atas mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia.

Lesen untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan larut resapan

14. (1) Mana-mana orang boleh memohon untuk lesen di bawah subseksyen 25(1) Akta untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan larut resapan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 6.

(2) Permohonan bagi lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut tatacara sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977 [P.U. (A) 198/1977] dan hendaklah disertakan dengan—

- (a) suatu laporan mengenai kajian sifat larut resapan; dan
- (b) fi lesen dan fi lesen berkaitan larut resapan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 27.

Kaedah penganalisan dan pensampelan larut resapan

15. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menjalankan analisis larut resapan secara *in-situ* atau *ex-situ* menggunakan apa-apa instrumen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa penganalisan larut resapan yang dibuang atau dilepaskan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia hendaklah dijalankan mengikut apa-apa kaedah yang terkandung dalam penyiaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Penganalisan larut resapan yang disebut dalam peraturan ini hendaklah berasaskan sampel cekau.

(4) Dalam peraturan ini—

- (a) “analisis *ex-situ*” ertinya analisis larut resapan yang dijalankan ke atas sampel yang telah dikeluarkan dari lokasinya dan dijalankan di tapak yang berlainan dan bukan di tapak dari mana sampel itu diambil;
- (b) “analisis *in-situ*” ertinya analisis larut resapan yang dijalankan ke atas sampel tanpa mengeluarkannya daripada lokasinya atau dijalankan ke atas sampel di tapak asal dari mana sampel itu diambil; dan
- (c) “sampel cekau” ertinya sampel individu diskret yang diambil dalam tempoh masa yang kurang daripada lima belas minit.

Petunjuk pembuangan larut resapan

16. (1) Petunjuk pembuangan larut resapan hendaklah mematuhi spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat dan hendaklah ditunjukkan dengan jelas oleh pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah di atas pelan susun atur dan lukisan kejuruteraan yang diperakui oleh jurutera profesional.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni stesen pemindahan pepejal atau kambus tanah hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah pelan susun atur dan lukisan kejuruteraan yang disebut dalam subperaturan (1).

(3) Jika pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah mencadangkan untuk membuat apa-apa perubahan atau perubahan kepada lokasi atau kedudukan petunjuk pembuangan larut resapan atau reka bentuk saluran keluar di petunjuk pembuangan larut resapan, dia hendaklah memaklumkan Ketua Pengarah dalam masa tiga puluh hari sebelum membuat perubahan atau perubahan itu.

Larangan terhadap pembuangan atau pelepasan larut resapan melalui pintasan

17. (1) Tiada seorang pun boleh membuang atau melepaskan atau menyebabkan atau membenarkan untuk dibuang atau dilepaskan larut resapan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia melalui pintasan.

(2) Dalam peraturan ini, “pintasan” ertinya apa-apa lencongan pembuangan larut resapan secara sengaja daripada mana-mana bahagian sistem pengolahan larut resapan.

Pencairan larut resapan

18. (1) Tiada seorang pun boleh mencairkan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dicairkan, mana-mana larut resapan, sama ada mentah atau terolah pada bila-bila masa atau ketika selepas ia dihasilkan di mana-mana stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah.

(2) Larut resapan menjadi cair apabila ia menjalani proses untuk menjadikannya kurang pekat dengan memasukkan air atau cecair daripada punca luar selain cecair atau bahan yang digunakan untuk mengolah larut resapan.

Tumpahan, pembuangan atau kebocoran yang tidak sengaja larut resapan

19. (1) Dalam keadaan terjadi apa-apa tumpahan, pembuangan atau kebocoran yang tidak sengaja mana-mana larut resapan sama ada secara terus atau tidak terus dapat masuk atau mungkin dapat masuk ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia, pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah hendaklah dengan segera dan tidak lebih daripada enam jam daripada waktu kejadian itu memaklumkan Ketua Pengarah mengenai kejadian itu.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu hendaklah, setakat yang munasabah, membendung, membersihkan atau mengurangkan tumpahan, pembuangan atau kebocoran yang tidak sengaja atau mendapatkan semula larut resapan mengikut cara yang memuaskan hati Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh dalam kes tertentu, jika dia menganggap perlu untuk berbuat demikian, menyatakan cara tumpahan, pembuangan atau kebocoran yang tidak sengaja dibendung, dibersihkan atau dikurangkan dan pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu hendaklah mematuhi spesifikasi itu.

(4) Ketua Pengarah hendaklah menentukan apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa tumpahan, pembuangan atau kebocoran yang tidak sengaja dan boleh mendapatkan semula semua kos dan perbelanjaan daripada pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu.

(5) Jika Ketua Pengarah mengaku janji untuk membersihkan atau mengurangkan apa-apa tumpahan, pembuangan atau kebocoran yang tidak sengaja, dia hendaklah menentukan kos dan perbelanjaan penuh yang ditanggung dan boleh mendapatkan semula kos dan perbelanjaan itu daripada pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu mengikut peruntukan di bawah seksyen 47 Akta.

Membuat perubahan yang mengubah kualiti larut resapan

20. Seseorang pemegang lesen tidak boleh membuat, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dibuat, apa-apa perubahan kepada stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah atau dalam cara menyenggara atau mengendalikan stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu, yang menyebabkan, atau diniatkan atau berkemungkinan menyebabkan, peningkatan material dalam kuantiti atau kualiti larut resapan atau kedua-duanya yang dibuang daripada stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu, melainkan jika kebenaran bertulis diperoleh daripada Ketua Pengarah terlebih dahulu bagi perubahan itu.

Melaporkan perubahan dalam maklumat yang diberikan bagi maksud permohonan lesen

21. Seseorang pemohon bagi lesen atau bagi membarui atau memindah milik lesen itu hendaklah, dalam tujuh hari daripada berlakunya apa-apa perubahan material mengenai apa-apa maklumat yang telah diberikan dalam permohonannya atau yang telah diberikan secara bertulis menurut permintaan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 11(2) Akta, memberi Ketua Pengarah suatu laporan secara bertulis mengenai perubahan ini.

Pempameran lesen

22. Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya, bersama-sama dengan tiap-tiap dokumen yang menjadi sebahagian daripada lesen itu, di tempat yang mudah dilihat dalam bangunan utama stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu.

Penerusan syarat-syarat dan sekatan yang ada sekiranya berlaku perubahan dalam penghunian

23. Jika seseorang menjadi penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah berlesen menggantikan orang lain yang memegang lesen yang belum tamat tempohnya berkenaan dengan stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu, maka—

- (a) bagi tempoh empat belas hari selepas perubahan dalam penghunian itu; atau
- (b) jika penghuni baru itu memohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) untuk memindah milik lesen itu kepadanya, bagi tempoh daripada perubahan dalam penghunian sehingga penentuan muktamad dibuat mengenai permohonannya,

syarat-syarat dan sekatan lesen itu adalah mengikat penghuni baru itu dan hendaklah dipatuhi olehnya, tanpa mengira dia masih belum menjadi pemegang lesen atau lesen itu mungkin, dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, telah habis tempohnya.

Penyenggaraan rekod

24. (1) Seseorang pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah hendaklah menyenggara rekod seperti yang berikut:

- (a) pengendalian, penyenggaraan dan pemantauan prestasi sistem pengolahan larut resapan;
- (b) pelaksanaan program pemantauan air daratan dan air bawah tanah;
- (c) pelaksanaan program pemantauan gas kambus tanah;
- (d) pelaksanaan program pemantauan untuk sistem pengumpulan dan pengeluaran larut resapan (LCRS);
- (e) pelaksanaan program pengawalan sisa untuk memastikan sisa terjadual tidak diterima untuk pelupusan; dan
- (f) pemantauan data pembuangan larut resapan.

(2) Rekod di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dan dijadikan tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

Latihan kakitangan

25. (1) Seseorang pemunya atau penghuni stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah—

- (a) hendaklah memastikan bahawa kakitangannya menghadiri latihan mengenai keperluan alam sekitar dan amalan terbaik untuk mengawal pencemaran daripada stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu sebelum mereka memulakan kerja;
- (b) hendaklah memastikan bahawa latihan untuk kakitangannya termasuklah latihan semula mengenai pengemaskinian kehendak dan tatacara baru, yang dikaji semula dan yang ada; dan
- (c) hendaklah menyenggara rekod latihan yang hendaklah termasuk tarikh latihan, nama dan jawatan kakitangan, penyedia latihan dan perihalan ringkas kandungan latihan.

(2) Rekod di bawah perenggan (1)(c) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah apabila diminta dan hendaklah dijadikan tersedia untuk pemeriksaan oleh pegawai diberi kuasa.

Pemunya atau penghuni hendaklah memberikan bantuan semasa pemeriksaan

26. Seseorang pemunya atau penghuni mana-mana stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah hendaklah memberi Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa segala bantuan yang munasabah dan kemudahan yang terdapat di stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah itu, termasuklah buruh, kelengkapan, alat dan peralatan yang Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa mungkin menghendakinya bagi maksud pemeriksaan.

Fi lesen

27. (1) Fi bagi lesen, termasuk pembaharuan lesen ialah lima ratus ringgit dan penambahan fi berkaitan larut resapan yang dikira mengikut kaedah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Fi bagi lesen, termasuk pembaharuan lesen ialah lima ratus ringgit hendaklah disertakan dengan permohonan itu dan tidak boleh dikembalikan.

(3) Fi berkaitan larut resapan tidak perlu dibayar sehingga diminta.

(4) Fi bagi suatu pindah milik lesen ialah satu ratus ringgit.

Penepian fi

28. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa penyelidikan mengenai pengolahan dan pelupusan larut resapan yang sedang atau akan dijalankan ke atas mana-mana stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah berlesen mungkin memberi faedah bagi perlindungan alam sekitar, dia boleh, dengan kelulusan Menteri, mengenyahkan sepenuhnya atau sebahagiannya mana-mana fi lesen berkaitan larut resapan yang kena dibayar menurut peraturan 27.

(2) Dalam memutuskan takat penepian itu, Ketua Pengarah adalah dipandu oleh pertimbangan muatan pencemaran larut resapan yang dibuang atau yang akan dibuang.

Penalti

29. Mana-mana orang yang melanggar peraturan 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 24, 25 dan 26 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas notis oleh Ketua Pengarah menghendakinya untuk memberhentikan perbuatan sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu telah diserahkan kepadanya.

Peruntukan pembatalan, peralihan dan kecualian

30. (1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-Efluen Perindustrian) 1979 [P.U. (A) 12/1979] dibatalkan (selepas ini disebut sebagai "Peraturan-Peraturan yang dibatalkan").

(2) Apa-apa permohonan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan bagi suatu lesen untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima, pembaharuan atau pindah milik lesen itu, atau kebenaran bertulis, yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini

hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, dipelakukan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan itu dan bagi maksud itu hendaklah dianggap seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

(3) Semua lesen yang dikeluarkan dan kebenaran bertulis yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, terus kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dibatalkan atau kebenaran bertulis habis tempoh atau dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan bagi maksud itu hendaklah dianggap seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

(4) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang telah dimulakan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diteruskan dan diselesaikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan bagi maksud itu hendaklah dianggap seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 4)

PEMBERITAHUAN BERTULIS PUNCA BARU PEMBUANGAN LARUT RESAPAN

Saya, yang bertandatangan di bawah dengan ini memaklumkan bahawa stesen pemindahan sisa pepejal atau kabus tanah* dengan butir-butir yang berikut** akan dibina di yang boleh menyebabkan satu punca baru pembuangan atau pelepasan larut resapan. Saya juga mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam pemberitahuan ini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

Tandatangan orang yang bertanggungjawab:

.....

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Nama dan alamat stesen pemindahan sisa pepejal atau kabus tanah:

.....

.....

Alamat surat menyurat stesen pemindahan sisa pepejal atau kabus tanah (jika berlainan daripada yang di atas):

.....

.....

Nombor telefon: Nombor faks:

Nombor rujukan fail Jabatan Alam Sekitar (jika berkenaan):

(Capkan meterai atau cap rasmi syarikat yang memiliki stesen pemindahan sisa pepejal atau kambus tanah)

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan

**** MAKLUMAT YANG PERLU DILAMPIRKAN PADA
PEMBERITAHUAN BERTULIS**

KAMBUS TANAH

1. Pelan lokasi dan tapak dengan skala yang sesuai menunjukkan dengan jelas lokasi dan sempadan kambus tanah yang dicadangkan, zon penimbal, kawasan kambus sisa dan kontur, struktur kawalan larian permukaan, jalan dan struktur atas tapak, reka bentuk penutup terakhir, petunjuk pembuangan larut resapan daripada kambus tanah dan kegunaan tanah dalam 1000 meter radius kambus tanah yang dicadangkan
2. Pengiraan reka bentuk, parameter reka bentuk dan lukisan kejuruteraan sistem pemungutan dan pembuangan larut resapan (LCRS) yang disediakan oleh jurutera profesional
3. Pelan jaminan kualiti dan kawalan kualiti untuk pembinaan sistem pemungutan dan pembuangan larut resapan (LCRS) yang disediakan oleh jurutera profesional
4. Parameter reka bentuk, pengiraan reka bentuk dan lukisan kejuruteraan sistem pengolahan larut resapan yang disediakan oleh seorang jurutera profesional
5. Cadangan tatacara pemantauan prestasi bagi semua komponen sistem pengolahan larut resapan yang disediakan oleh jurutera profesional
6. Parameter reka bentuk, pengiraan reka bentuk dan lukisan kejuruteraan sistem pemungutan dan pelupusan gas kambus tanah yang disediakan oleh jurutera profesional
7. Pelan lokasi dan susun atur dan lukisan kejuruteraan takat pelepasan akhir yang diperakui oleh jurutera profesional
8. Longitud dan latitud petunjuk pelepasan akhir bagi larut resapan terolah ke saluran air
9. Sistem bagi memantau sistem pemungutan dan pembuangan larut resapan (LCRS), larut resapan, air daratan dan air bawah tanah dan gas kambus tanah yang disediakan oleh jurutera profesional
10. Pelan bagi penutupan tapak dan penjagaan pasca-penutupan
11. Rancangan luar jangka bagi kawalan larut resapan
12. Pengiraan reka bentuk dan lukisan reka bentuk pemungutan air ribut
13. Tatacara operasi dan penyenggaraan tapak bagi menangani perkara seperti yang berikut: kriteria penerimaan sisa; program kawalan sisa untuk memastikan sisa terjadual tidak diterima untuk pelupusan; penyeliaan dan sekuriti tapak; aktiviti pelupusan sisa dan penutupan; amalan operasi untuk mengurangkan bau dan pengeluaran habuk; pemantauan tapak dan pelan respons aduan pencemaran
14. Maklumat mengenai tarikh permulaan kerja yang dijangkakan di kambus tanah yang dicadangkan dan tarikh kambus tanah dijangka mula beroperasi.

STESEN PEMINDAHAN SISA PEPEJAL

1. Pelan lokasi dan tapak dengan skala yang sesuai menunjukkan dengan jelas lokasi dan sempadan stesen pemindahan sisa pepejal yang dicadangkan dan kegunaan tanah dalam 500 meter radius stesen pemindahan sisa pepejal yang dicadangkan

2. Maklumat mengenai bagaimana larut resapan, bunyi bising, bau dan pencemaran udara yang dihasilkan daripada stesen pemindahan sisa pepejal akan diuruskan
3. Maklumat mengenai tarikh permulaan kerja yang dijangkakan di stesen pemindahan sisa pepejal yang dicadangkan dan tarikh stesen pemindahan sisa pepejal dijangka mula beroperasi.

JADUAL KEDUA
(Peraturan 13)

SYARAT-SYARAT YANG BOLEH DITERIMA BAGI PEMBUANGAN LARUT
RESAPAN

	(1)	(2)	(3)
	Parameter	Unit	Standard
(i)	Suhu	°C	40
(ii)	Nilai pH	—	6.0-9.0
(iii)	BOD ₅ pada 20°C	mg/L	20
(iv)	COD	mg/L	400
(v)	Pepejal Terampai	mg/L	50
(vi)	Nitrogen Ammonia	mg/L	5
(vii)	Raksa	mg/L	0.005
(viii)	Kadmium	mg/L	0.01
(ix)	Khromium, Heksavalen	mg/L	0.05
(x)	Kromium, Trivalensi	mg/L	0.20
(xi)	Arsenik	mg/L	0.05
(xii)	Sianid	mg/L	0.05
(xiii)	Plumbum	mg/L	0.10
(xiv)	Tembaga	mg/L	0.20
(xv)	Mangan	mg/L	0.20
(xvi)	Nikel	mg/L	0.20
(xvii)	Timah	mg/L	0.20
(xviii)	Zink	mg/L	2.0
(xix)	Boron	mg/L	1.0
(xx)	Besi	mg/L	5.0
(xxi)	Perak	mg/L	0.10
(xxii)	Selenium	mg/L	0.02
(xxiii)	Barium	mg/L	1.0
(xxiv)	Fluorida	mg/L	2.0
(xxv)	Formaldehid	mg/L	1.0
(xxvi)	Fenol	mg/L	0.001
(xxvii)	Sulfid	mg/L	0.50
(xxviii)	Minyak dan Gris	mg/L	5.0
(xix)	Warna	ADMI*	100

* ADMI- American Dye Manufacturers Institute

JADUAL KETIGA
(Peraturan 15)

KAEDAH PENGANALISISAN LARUT RESAPAN

1. Edisi ke-21 "*Standard Methods for the Examination of Water and Wastewater*" yang diterbitkan bersama oleh *American Public Health Association, the American Water Works Association* dan *the Water Environment Federation of the United States of America*
2. "*Code of Federal Regulations, Title 40, Chapter 1, Subchapter D, Part 136*" yang diterbitkan oleh *Office of the Federal Register, National Archives and Records Administration, United States of America*

JADUAL KEEMPAT
(Peraturan 16)

SPESIFIKASI PETUNJUK PEMBUANGAN LARUT RESAPAN

1. Petunjuk pembuangan terletak di dalam sempadan kambus tanah, sebaik selepas unit terakhir operasi atau unit proses sistem pengolahan larut resapan.
2. Lokasi petunjuk pembuangan mudah diakses dan tidak mendatangkan bahaya kepada kakitangan yang menjalankan pemeriksaan di tapak atau pensampelan larut resapan.
3. Larut resapan yang dibuang melalui paip, pembuluh atau saluran untuk memudahkan pensampelan larut resapan.
4. Petunjuk pembuangan yang dikenal pasti secara fizikal dengan memasang tanda pengenalan logam yang dibaca "Petunjuk Perhitungan Terakhir".
5. Petunjuk pembuangan dan sekitarnya disenggarakan dengan betul supaya bebas daripada apa-apa halangan yang boleh mendatangkan kesulitan atau bahaya semasa pemeriksaan di tapak atau pensampelan larut resapan.

JADUAL KELIMA
(Peraturan 27)

KAEDAH MENGHITUNG FI LESEN BERKAITAN LARUT RESAPAN

<i>Parameter</i>	<i>Fi setiap kg bahan pencemar yang dibuang</i>
(i) BOD ₅ pada 20°C	RM 0.50
(ii) Nitrogen Ammonia	RM 500.00
(iii) Raksa	RM 2500.00
(iv) Kadmium	RM 2500.00
(v) Kromium, Heksavalen	RM 2500.00
(vi) Kromium, Trivalensi	RM 2500.00
(vii) Arsenik	RM 2500.00
(viii) Sianid	RM 2500.00
(ix) Plumbum	RM 2500.00
(x) Tembaga	RM 2500.00
(xi) Mangan	RM 2500.00
(xii) Nikel	RM 2500.00

<i>Parameter</i>	<i>Fi setiap kg bahan pencemar yang dibuang</i>
(xiii) Timah	RM 2500.00
(xiv) Perak	RM 2500.00
(xv) Selenium	RM 2500.00
(xvi) Barium	RM 2500.00
(xvii) Fluorida	RM 2500.00
(xviii) Formaldehid	RM 2500.00
(xix) Zink	RM 500.00
(xx) Boron	RM 500.00
(xxi) Besi	RM 500.00
(xxii) Fenol	RM 500.00
(xxiii) Sulfid	RM 500.00
(xxiv) Minyak dan Gris (ekstrak-n-hekzane)	RM 500.00

Dibuat 12 Oktober 2009
[AS(S) 91/110/919/026; PN(PU²)280/XII]

DATUK DOUGLAS UGGAH EMBAS
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar